

# **PENGAMBILAN MINUMAN BERALKOHOL DALAM KALANGAN PELAJAR DAN KAITANNYA DENGAN PENGARUH RAKAN**

**Nur Hasbuna Saleh & Norani Mohd Salleh**

Universiti Malaya

hasbuna85@yahoo.com & noranisaleh@um.edu.my

**Abstrak:** Kertas kerja ini membincangkan berkaitan pengambilan minuman beralkohol dalam kalangan pelajar dan kaitannya dengan pengaruh rakan sebaya. Pengambilan alkohol didefinisikan sebagai minuman yang memabukkan dalam bentuk etil dan sejenis dadah yang bertindak pada otak manusia dan sering menyebabkan ketagihan. Pada hari ini pengambilan minuman beralkohol amat membimbangkan dalam masyarakat Malaysia. Hal ini jelas dibuktikan apabila Negara Malaysia merupakan Negara ke sepuluh terbesar dalam pengambilan alkohol di dunia. Memandangkan sejumlah besar penduduk Malaysia adalah terdiri daripada remaja, dan mereka juga merupakan golongan pelapis maka adalah penting mereka bebas daripada pengambilan alkohol yang jelas terbukti memberi kesan buruk kepada kesihatan. Oleh itu, kertas kerja ini akan mengupas dengan lebih lanjut lagi berkaitan kesan-kesan pengambilan alkohol, pengaruh rakan sebaya terhadap pengambilan alkohol dan jenis-jenis minuman alkohol. Kajian yang dijalankan diharapkan dapat memberi input yang berguna dalam mengenalpasti faktor-faktor yang mempengaruhi pengambilan alkohol. Kajian ini juga diharapkan dapat memberi input kepada pelajar supaya mereka lebih peka dengan masalah pengambilan alkohol kerana ia boleh mengganggu kesejahteraan dan masa depan mereka. Justeru kajian ini dapat membantu pihak-pihak yang berkenaan untuk merangka dan merancang strategi penyelesaian dengan lebih efektif.

**Kata Kunci :** minuman beralkohol, pelajar, pengaruh rakan

## **PENDAHULUAN**

Golongan remaja merupakan generasi yang bakal mewarisi negara kita pada masa akan datang. Mereka mempunyai pengaruh besar terhadap keadaan sosial, politik dan ekonomi negara. Pelbagai harapan diletakkan agar mereka berupaya menjadi individu yang berguna serta mampu menyumbang ke arah kesejahteraan negara secara keseluruhannya. Namun pada realitinya kini, pelbagai pihak mula menunjukkan kebimbangan tentang tingkah laku pengambilan minuman beralkohol dalam masyarakat Malaysia terutamanya yang melanda remaja dan seterusnya meruntuhkan akhlak anak-anak remaja masa kini. Jika dilihat kini, Negara Malaysia merupakan negara ke sepuluh terbesar dalam pengambilan arak di dunia menurut Ahli Parlimen Kota Raja (Dr. Siti Mariah Mahmud, 29 Mac 2010). Hal ini menimbulkan beberapa andaian yang membawa persoalan menarik untuk ditinjau secara lebih mendalam. Adakah ini menggambarkan pengambilan secara menyeluruh masyarakat Negara ini yang majoritinya berketurunan melayu dan beragama islam? Islam mencegah pengambilan arak seperti mana firman Allah

S.W.T yang bermaksud: ‘Hai orang-orang yang beriman, sesungguhnya meminum khamar (arak), berjudi, berkorban untuk berhala, dan mengundi nasib dengan panah adalah perbuatan keji termasuk perbuatan syaitan. Maka jauhilah perbuatan-perbuatan itu agar kamu mendapat keberuntungan.’(Al-Maidah 5:90). Jelas bagi negara yang mengamalkan sistem perundangan syariah bagi yang berkaitan dengan agama seperti Malaysia hukum mengambil arak adalah berat. Memandangkan sejumlah besar penduduk Malaysia, pelbagai keturunan adalah terdiri daripada remaja dan mereka adalah golongan pelapis perlu berperanan secara bertanggungjawab dan berwibawa maka adalah penting mereka bebas daripada pengambilan alkohol yang jelas terbukti memberi kesan buruk kepada kesihatan. Namun, pengambilan minuman keras ini semakin meluas dalam kalangan remaja meningkat kepada 45 peratus remaja di bawah umur 18 tahun. Setakat ini masih kurang kajian yang dijalankan tentang tingkah laku pengambilan alkohol dalam kalangan remaja khususnya dalam negara yang majoriti penduduknya adalah terdiri daripada orang islam. Memandangkan pengambilan alkohol yang begitu tinggi dalam kalangan remaja maka penting untuk dikenalpasti faktor-faktor yang mempengaruhi mereka untuk mengambil alkohol termasuk mengenalpasti sama ada pengaruh rakan sebaya berperanan kepada pengambilan alkohol.

## OBJEKTIF KAJIAN

Objektif umum kajian ini adalah untuk mengkaji perkaitan antara pengambilan minuman beralkohol dalam kalangan remaja yang terdiri daripada pelajar tahun tiga Universiti Malaya dan kaitannya dengan pengaruh rakan sebaya. Secara khususnya objektif kajian adalah untuk:

- i. Mengenalpasti bentuk demografi atau latar belakang pelajar dengan mengambil minuman beralkohol
- ii. Tahap pengaruh rakan sebaya dalam kalangan pelajar.
- iii. Terdapat hubungan pengambilan minuman beralkohol dengan pengaruh rakan.
- iv. Mengenalpasti hubungan pencapaian akademik dengan pengambilan minuman beralkohol.

## KAJIAN LEPAS

Dalam satu kajian yang dilakukan ke atas pesakit yang dimasukkan ke hospital Kuala Lumpur pada tahun 1993, 48 peratus daripada yang ditanya mengaku minum arak. Satu pertiga ketagih arak, 61 peratus adalah Cina, 60 peratus India dan 30 peratus Melayu, katanya lagi. Jelasnya lagi, kerajaan dilihat tidak memberi perhatian sewajarnya kepada isu ketagihan arak dan sering mengatakan ianya isu kaum India. Arak juga jelasnya, dibuktikan bukan sahaja membahayakan kesihatan dan menyebabkan gejala sosial, namun kos rawatan penyakit disebabkan arak juga lebih tinggi berbanding pendapatan penjualannya. Namun statistik penglibatan orang Melayu Islam dalam pengambilan arak boleh dikatakan tiada. Ini adalah kerana soalan mengenai tabiat ini tidak ditanya kepada orang-orang Melayu Islam kerana dikatakan sensitif. Namun dalam satu kajian di kalangan pesakit yang dimasukkan ke Hospital Kuala Lumpur (HKL) in-patient pada tahun 1993, 48%


daripada yang ditanya mengaku minum arak. Satu per tiga daripada mereka ketagih arak sebanyak 61% daripadanya pesakit Cina, 60% daripada pesakit India, dan 30% daripada pesakit Melayu yang minum arak. Di kalangan yang ketagihan arak, penyalahgunaan arak, 67% daripada mereka minum bir, 17% minum spirit iaitu arak sulingan, dan 16% minum samsu. Kalah kadar penyalahgunaan atau ketagihan tertinggi di kalangan kaum India yang daripada golongan pekerja dan miskin. Mengikut satu kajian lain yang dilaporkan dalam British Medical Journal, minuman arak walaupun dengan kadar segelas setiap hari, meningkatkan risiko seseorang mengidap kanser mulut, kerongkong dan esofagus. Di samping itu, mengikut American Heart Association pada tahun 2001, setiap minuman memberi kesan negatif kepada otak iaitu otak akan menjadi kecil. Pada bulan Januari 2002, jurnal New England Journal of Medicine melaporkan, minuman arak mampu mengurangkan risiko serangan penyakit jantung. Namun dalam sidang pengarang jurnal yang sama, Dr. Ira Goldberg (M.D.) mendedahkan mereka yang terlibat dalam kajian ini adalah golongan yang rajin bersenam, banyak mengambil vitamin E, kurang mengambil lemak berbahaya dan tidak menghidap penyakit kencing manis. Justeru, besar kemungkinan, kesihatan mereka yang baik adalah disebabkan oleh faktor-faktor ini dan bukannya berpunca daripada pengambilan alkohol. Hal ini diperkuuhkan lagi oleh pakar-pakar dari Universiti Auckland. BBC News Online bertarikh 2 Disember 2005, di bawah tajuk Alcohol's Health Doubted melaporkan kemudarat berpunca arak adalah lebih banyak daripada kebaikannya. Penemuan ini adalah berdasarkan kajian yang dilakukan oleh Dr. Rod Jackson dan rakan-rakannya dari Universiti Auckland. Mereka menegaskan, meminum wain sebanyak satu ataupun dua gelas sehari tidak lagi boleh dianggap satu idea yang baik. Walaupun kajian-kajian yang dilakukan pada tahun 1970-an dan 80-an menunjukkan ia bermanfaat bagi jantung namun penemuan terkini menunjukkan kemudaratannya adalah lebih besar daripada kemanfaatannya.

## TEORI

### Teori Pembelajaran Sosial Albert Bandura

Teori Pembelajaran Sosial telah diperkenalkan oleh Albert Bandura (1977). Di dalam teori ini menekankan tentang aspek interaksi antara manusia dengan persekitarannya. Beliau percaya bahawa personality dibentuk hasil interaksi tingkah laku, persekitaran dan pembolehubah kendiri. Model ini dikenali sebagai *Reciprocal Determinism*. Terdapat beberapa faktor yang mempengaruhi tingkah laku anti sosial pelajar remaja, iaitu kelakuan pelajar itu sendiri, pengaruh persekitaran dan interaksi kognitif. Namun menurut Bandura (1977) latihan pemerhatian atau modeling '*behavioural modeling*' adalah amat penting dalam pembentukan tingkah laku agresif. Teori pembelajaran sosial yang diaplikasikan oleh Bandura (1973) juga merumuskan bahawa perkara utama yang sering dipelajari oleh kanak-kanak dan remaja ialah melalui pemerhatian terhadap tingkah laku orang lain, khususnya orang yang signifikan dengan mereka. Ini dibuktikan melalui eksperimen dengan menggunakan anak patung yang diberi nama Bobo. Bandura telah merakamkan aksi salah seorang penuntut wanitanya sedang memukul anak patung Bobo sambil menjerit 'sockeroo' dan video ini ditayangkan kepada beberapa orang kanak-kanak. Tingkah laku memukul anak patung Bobo sambil menjerit 'sockeroo' telah diikuti

oleh kanak-kanak tersebut dan Bandura menyebut fenomena ini sebagai teori pembelajaran social. Hal ini bersesuaian dengan tajuk kajian yang mana untuk melihat kaitan antara pengambilan alkohol dan rakan sebaya. Teori ini memperlihatkan pengaruh-pengaruh sedar dan penentu-penentu sosial ke atas personaliti. Bandura menyatakan bahawa latihan pemerhatian atau modeling adalah amat penting dalam pembentukan tingkah laku.



Rajah 1: Kerangka teori kajian. Teori Sosial Kongnitif oleh Albert Bandura

#### JENIS-JENIS ALKOHOL

- i. **Wain**: Minuman dibuat daripada penapaian jus anggur. Wain dihasilkan dengan menapai anggur hancur menggunakan pelbagai jenis yis yang memakan gula yang terdapat dalam anggur dan menukar mereka kepada alcohol. Pelbagai jenis anggur dan ketegangan bagi yis adalah digunakan bergantung kepada jenis wain dihasilkan.
- ii. **Bir**: Minuman beralkohol tertua di dunia. Ia dihasilkan oleh pendidihan dan penapaian kanji, kebanyakannya diperolehi daripada bijirin. Bijirin yang paling biasa digunakan adalah barli. Walaubagaimanapun gandum jagung dan beras juga digunakan secara meluas.
- iii. **Vodka**: Salah satu arak yang paling popular di dunia. Vodka diperbuat daripada penapaian bahan-bahan seperti: bijirin, rai, gandum, kentang, anggur atau gula ubi. Ia bersifat jernih, tidak berbau dan tawar. Ia merupakan arak neutral yang boleh diadun dan tidak meninggalkan sebarang bau kepada peminum.
- iv. **Wiski**: Sejenis minuman alcohol yang disulingkan ditapai dari lecek bijirin. Butir-butir berbeza adalah digunakan untuk jenis-jenis berbeza termasuk barli, barli malt, rai, malt rai, gandum dan jagung. Wiski yang berusia disimpan dalam tong-tong kayu yang diperbuat umumnya daripada pokok oak putih.
- v. **Tequila**: Diperbuat daripada tumbuhan Agav yang banyak ditanam di Mexico. Tequila adalah satu daripada arak-arak yang terpopular di dunia.
- vi. **Brandy**: Disulingkan dari buah lecek, kebiasaannya anggur. Dikenali sebagai “fired wain” ia menjadi popular untuk berates tahun. Brandy disimpan lama di dalam tong-tong oak dimana ia merupakan punca warnanya. Secara tradisinya, ia diminum selepas makan malam dan sering digunakan dalam masak-memasak.

## **KESAN JANGKA PENDEK**

Pensyarah Kanan dan Pakar Bedah Jantung dan Paru-paru Pusat Perubatan Universiti Kebangsaan Malaysia, Profesor Madya Dr Mohd Ramzisham Abdul Rahman berkata arak ialah minuman beralkohol yang boleh mendatangkan kesan buruk kepada individu yang meminumnya. Katanya kesan berkenaan terbahagi kepada dua iaitu kesan jangka pendek dan kesan jangka panjang yang kedua-duanya amat tidak baik kerana boleh mencetuskan kepada gejala social dalam masyarakat. Kesan jangka pendek dapat dilihat dalam 24 jam ke 48 jam pengambilan. Apabila individu mengambil alcohol, otak tidak dapat berfungsi dengan baik kerana sudah dipengaruhi kesan alcohol seperti tertekan, tidak dapat berfikir dengan waras seperti hilang rasa malu, hilang kawalan diri dan boleh bertindak di luar keadaan normal seterusnya mendorong mereka melakukan tindakan yang tidak wajar.

## **KESAN JANGKA PANJANG**

Kesan jangka penjang pula boleh menyebabkan organ dalaman mengalami kerosakan dan ketagihan berpanjangan kepada individu berkenaan. Selain itu, individu pemimin arak akan mengalami sindrom halusinasi dan ketagihan meminum arak yang boleh menyumbang kepada kerosakan otak dan urat saraf. Kesan pengambilan alkohol merangkumi pelbagai aspek kehidupan seseorang itu. Implikasi sosial termasuklah :

- Kurang konsentrasi yang boleh mengakibatkan kemerosotan prestasi pelajaran
- Ponteng sekolah yang boleh mempengaruhi pencapaian akademik
- Kelakuan Delinkuen/salah laku
- Penglibatan remaja dalam jenayah untuk membiayai tabiat ketagihan alkohol

### Kesan fizikal alkohol adalah:

- Keadaan mabuk (seseorang itu berjalan terhuyung hayang, pertuturan yang tidak betul atau jelas, bingung dan bercelaru).
- Keracunan (gejala-gejala termasuk mengantuk yang teramat, tidak sedar diri, sukar bernafas, paras gula yang rendah, sawan dan juga boleh menyebabkan kematian).

### Gangguan kesihatan termasuk:

- Kerosakan otak yang kekal
- Penyakit hepar ( radang hepar, sirosis, kanser)
- Penyakit jantung (peningkatan tekanan darah, angin ahmar/strok)
- Ulser pada perut (ulser gastrik dan peptik)
- Kanser usus
- Penurunan naluri seks dan mati pucuk
- Keguguran spontan
- Bayi yang tidak normal
- Anaemia (kandungan darah rendah)

### Masalah Psikososial juga mungkin timbul iaitu :

- Perubahan personaliti

- Kemurungan
- Bunuh diri
- Kelakuan agresif

## PENGARUH RAKAN

Mustafa Fahmi (1971) menyatakan remaja cenderung menuruti tingkah laku kumpulan yang mana ia berada di dalamnya. Remaja diperingkat awalan ini akan bersungguh mencuba bertingkah laku seperti tingkah laku kumpulannya. Remaja ini juga akan melakukan atau membuat apa yang dilakukan atau dibuat oleh kumpulannya. Faktor lain yang sering dikaitkan dengan pengambilan alkohol ialah pergaulan dan pengaruh rakan sebaya. Menurut Klausmerier et. al (1975) di dalam hal-hal seperti tanggungjawab moral, keberanian, kejuran, kemesraan dan lain-lain "para remaja dipengaruhi oleh pendapat dan pandangan rakan sebaya yang lebih tinggi daripada pengaruh ibu bapa. Faktor ini banyak menimbulkan pengeseran di antara para remaja dan ibu bapa. Para remaja merasakan ibu bapa sebagai pengongkong kebebasan diri mereka. Ibu bapa pula berasa keliru dengan tingkah laku dan tindak tanduk remaja dan sebarang usaha untuk menegakkan identiti diri dianggap sebagai menentang. Kekeliruan ini memburukkan pengeseran dan akhirnya menimbulkan masalah. Apabila remaja menemui masalah seperti ini, ia memerlukan seseorang sebagai tempat mengadu hal, mendapat panduan dan pertolongan. Kadang kala mereka merasa lebih selesa berbincang atau bercerita masalah mereka dengan rakan sebaya mereka.

## PENUTUP

Kajian-kajian lepas telah membuktikan bahawa pengambilan minuman beralkohol mempunyai perkaitan dengan pengaruh rakan sebaya dalam kalangan remaja. Data-data yang menyokong aspek ini dapat dilihat melalui kajian-kajian yang telah dilakukan oleh pengkaji terdahulu. Oleh yang demikian, kajian ini akan melihat dengan lebih terperinci lagi pengambilan minuman beralkohol dalam konteks Negara Malaysia.

## RUJUKAN

- Albert Bandura (1977). *Social Learning Theory*. Eagle Wood Cliff, New Jersey: Prentice Hall.
- Klausmerier et. al (1975). Wisconsin Research and Development Center for Cognitive Learning. *Individually guided motivation*, 26, 155-156.
- Lingren, H.G. (1995). Adolescence And Peer Pressure. *Adolescence And Youth*. April 1995.
- Ma'ruf Redzuan (2001). *Psikologi Sosial*. Serdang : Universiti Putra Malaysia.
- McKay, J. R. (1961). Clinical observations on adolescent problem drinkers. *Quarterly Journal of Studies on Alcohol*, 22, 124-134.
- Utusan Malaysia. Jenayah Pelajar. 29 Mac 2010. Siti Mariah Mahmud, 29 Mac 2010.